

Abdullah Badawi lancar PPRBM Pulau Pinang 6 September

PULAU PINANG, Ahad — Persatuan Pembeli-Pembeli Rumah Bumiputera Malaysia (PPRBM), cawangan Pulau Pinang akan dilancarkan oleh Menteri tak berpotfolio di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi, di Dewan Sri Pinang di sini, 6 September ini.

Lebih 1,000 orang dijangka akan menghadiri majlis pelancaran itu yang akan dilakukan dengan acara budaya yang simbolik.

Presiden PPRBM, Encik Tamrin Ghafar, memberitahu pemberita selepas berbincang dengan Biro Perumahan Pemuda UMNO Negeri di sini malam tadi, Pulau Pinang adalah negeri yang pertama menubuhkan cawangan PPRBM.

Katanya, sebuah Jawatankuasa Peringkat Negeri Pulau Pinang, telah ditubuhkan dengan Pengerusi Biro Ekonomi Pemuda UMNO Negeri, Encik Anuar Haji Mohd Noor menjadi pengerusi.

Belliau yakin orang Melayu Pulau Pinang akan memberi sambutan terhadap persatuan ini kerana masalah yang mereka hadapi sangat serius jika dibandingkan dengan lain-lain negeri.

Menurut Encik Tamrin yang juga Pengerusi Biro Perumahan Pemuda UMNO Malaysia, PPRBM ditubuhkan untuk membantu bumiputera yang hendak membeli rumah supaya tidak ditipu oleh pemaju-pemaju perumahan yang tidak bertanggungjawab.

Katanya, fungsi-fungsi PPRBM antara lain ialah, menyedarkan orang ramai mengenai cara-cara hendak membeli rumah

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia